

05 APRIL 2018

Biar polis siasat

HARIAN METRO

Biar polis siasat

Kuala Lumpur: Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, polis akan melakukan siasatan berhubung penahanan Ketua UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, Datuk Rizalman Mokhtar berhubung penyalahgunaan dadah, kelmarin.

Menurut beliau, siasatan terperinci itu dilakukan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik.

“Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik akan melakukan siasatan, biar polis siasat,” katanya ringkas ketika ditanya sama ada kes itu tindakan sabotaj pihak tertentu.

Beliau ditemui selepas merasmikan Persidangan Halal Sedunia 2018 Kuala Lumpur di sini, semalam.

Media Isnin lalu melaporkan, Rizalman ditahan di sebuah kelab malam di Jalan Imbi di sini, dalam serbuan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya.

Hasil siasatan awal polis mendapati beliau dan beberapa lagi rakannya positif dadah.

Rizalman pada sidang media, semalam mendakwa disabotaj berhubung penahanannya serta terbabit dalam penyalahgunaan dadah seperti laporan media, kelmarin.

Rizalman berkata, dia tidak pernah terbabit dalam sebarang pengambilan dadah seperti yang tersebar dan yakin ia satu perangkap terhadapnya bertujuan merosakkan nama baiknya.

“Saya akan menggunakan segala saluran yang ada untuk mempertahankan diri dan membersihkan nama saya, keluarga saya dan UMNO serta Barisan Nasional (BN).”

“Usaha saya selama 14 tahun di sini akan tetap diteruskan bagi membantu BN di Bandar Tun Razak selagi parti mengizinkan saya untuk terus berkhidmat,” katanya dalam sidang media khas di Pejabat UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, semalam.